

Latihan karangan 3 :

Alam sekitar amat penting untuk manusia. Bincangkan langkah-langkah untuk mengatasi pencemaran alam sekitar.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.

<i>penting</i>	<i>pokok</i>	<i>plastik</i>	<i>sungai</i>	<i>mengurangkan</i>
<i>bersih</i>	<i>asap</i>	<i>serius</i>	<i>selesa</i>	<i>tong sampah</i>

Alam sekitar ialah anugerah Tuhan yang sangat _____ (1) kepada manusia. Alam yang bersih dan hijau membolehkan kita menghirup udara yang _____ (2). Namun begitu, pencemaran alam sekitar semakin _____ (3) pada hari ini.

Antara langkah untuk mengatasi pencemaran alam adalah dengan membuang sampah ke dalam _____ (4). Kita juga tidak boleh membuang sisa toksik ke dalam _____ (5) kerana boleh membunuh hidupan air.

Selain itu, kita harus mengurangkan penggunaan _____ (6) kerana ia sukar dilupuskan. Penggunaan semula dan kitar semula barang boleh _____ (7) pencemaran.

Kita juga digalakkan untuk menanam _____ (8) di sekeliling rumah. Tumbuhan menghijau dapat menyerap _____ (9) dan menghasilkan oksigen.

Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama untuk menjaga alam sekitar. Jika alam sekitar bersih, kehidupan akan lebih _____ (10) dan selamat.